

# 3 pemaju sebabkan banjir dikompaun RM575,000

Oleh AZIAN AZIZ

UM 02/12/2008

**SHAH ALAM** 1 Dis. – Tiga syarikat pemaju dikenakan kompaun berjumlah RM575,000 kerana gagal mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sehingga mengakibatkan banjir kilat di sekitar sini pada 11 dan 25 November lalu.

Tiga syarikat pemaju terbabit ialah Paramount Property Development Sdn. Bhd. yang menyebabkan banjir kilat di Kota Kemuning; I-City Properties Sdn. Bhd. (sekitar Plaza Tol Sungai Rasah) dan SJ Properties Sdn. Bhd. (sekitar Kampung Melayu Subang).

I-City Properties dan SJ Properties masing-masing dikenakan dikompaun RM-

275,000 mengikut Seksyen 70A(9) dan Seksyen 71 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 yang dibaca bersama Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Bandaraya Shah Alam) Jalan, Parit dan Bangunan 2005.

Sementara Paramount Property dikenakan kompaun RM25,000 mengikut Seksyen 70A (9) akta yang sama.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Datuk Abdul Fatah Iskandar berkata, selain dikompaun pada 21 dan 28 November lalu serta diberi tempoh dua minggu untuk menyelesaikannya, ketiga-tiga syarikat tersebut turut dikenakan Notis Arahan Berhenti Kerja.

Beliau berkata, tindakan tegas ini diambil atas arahan kerajaan negeri yang me-

mandang berat kesalahan dan kecuiaan yang dilakukan oleh tiga syarikat pemaju terlibat.

“Syarikat pemaju sepatutnya prihatin ke atas kesan pembangunan yang telah dilakukan.

“Ini kerana kecuiaan dan kurangnya pemantauan mereka akan mengakibatkan kerapnya berlaku kejadian banjir serta kerugian dan kesusahan kepada penduduk sekitar.

“Diharap tindakan ini akan menjadi pengajaran kepada pemaju-pemaju lain dalam memulihara alam sekitar, keselamatan serta kesejahteraan rakyat,” kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Abdul Fatah, berdasarkan siasatan, banjir di ketiga-tiga kawasan itu berlaku akibat parit yang menuju ke kolam takungan di tapak pembinaan milik ketiga-tiga syarikat tersebut tidak berfungsi

dan menyebabkan air melimpah ke tempat lain serta mengakibatkan banjir kilat.

Kata beliau, pihaknya telah mengarahkan mereka untuk memperbaiki sistem saliran dan ada syarikat diarah membina kolam takungan tambahan.

“Hasil pemantauan, ketiga-tiga syarikat tersebut telah menjalankan kerja-kerja pembaikan tersebut dan jika gagal mengikut arahan, mereka akan dikenakan denda RM500 sehari.

“Kita juga tidak akan melayan sebarang rayuan,” jelas beliau.

Tambah beliau, pihaknya juga telah meminta semua PBT di Selangor memantau syarikat-syarikat pemaju di kawasan masing-masing dan memastikan mereka tidak melanggar peraturan berikutan musim tengkujuh sekarang.